

BAHAGIAN A

[20 markah]

Jawab semua soalan.

- 1 Pilih padanan konsep masa yang betul.
- A Abad – Jangka waktu seribu tahun
 - B Dekad – Jangka waktu sepuluh tahun
 - C Zaman – Tahun selepas kelahiran Nabi Isa
 - D Masihi – Jangka masa yang mempunyai keistimewaan
- 2 Maklumat berikut berkaitan dengan satu teori kesan kemunculan Zaman Air Batu.

Pusingan bumi menyebabkan berlakunya pelbagai perkembangan pada Zaman Air Batu.

Siapakah pelopor teori tersebut?

- A S.M. Milankolic
 - B Micheal Darwin
 - C Gelatin Ibramovich
 - D Milutin Milankovitch
- 3 Peralatan berikut telah ditemui di Pahang pada Zaman Neolitik.

Pisau Tembeling

Mengapakah manusia Zaman Neolitik mencipta pisau tersebut?

- A Menuai padi
 - B Membina rumah
 - C Menangkap ikan
 - D Memburu binatang
- 4 Maklumat berikut merupakan seni bina Tamadun Rom.

Colloseum

Apakah kepentingan pembinaan seni bina tersebut?

- A Membekalkan bekalan air
 - B Mengadakan pertandingan
 - C Melindungi serangan musuh
 - D Melaksanakan urusan jual beli
- 5 Apakah persamaan kedua-dua tokoh berikut?

- Asoka
- Chandragupta Maurya

- A Menyebar agama Buddha
- B Menubuhkan bandar terancang
- C Melaksanakan perluasan kuasa
- D Mengadakan peperiksaan awam

6 Manakah antara berikut merupakan kota di Hijaz?

- I Taif
- II Makkah
- III Damsyik
- IV Baghdad
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

7 Apakah sumbangan kerajaan Demak terhadap perkembangan agama Islam?

- A Menjadi pusat pengajian
- B Membuka pusat penterjemahan
- C Menghantar ulama ke wilayah luar
- D Memperkenalkan sistem madrasah


8 Maklumat berikut merujuk kepada sistem pentadbiran di negeri-negeri Melayu.

Sistem Pembesar Empat Lipatan

Apakah negeri yang menggunakan sistem pentadbiran tersebut?

- A Kesultanan Melayu Selangor
- B Kesultanan Melayu Pahang
- C Kesultanan Melayu Melaka
- D Kesultanan Johor-Riau

9 Gambar berikut merupakan replika kapal Banteng.



Siapakah yang telah membina kapal tersebut?

- A Orang Laut
- B Orang Arab
- C Orang Melayu
- D Orang Portugis

10 Bilakah istiadat penganugerahan bintang dan darjah kebesaran dilaksanakan?

- A Hari kemerdekaan
- B Istiadat pertabalan
- C Majlis pemsyukuran
- D Sambutan keputeraan

- 11 Apakah alat kebesaran diraja yang diiktiraf bersama-sama pertabalan Raja Kedah yang pertama?
- Nobat
 - Tengkolok
 - Pending diraja
 - Tombak berambu
- 12 Mengapakah pelaksanaan hukuman Adat Papatih di Negeri Sembilan bersifat pemulihan?
- Memudahkan proses hukuman
 - Mengutamakan perasaan pesalah
 - Mengambil kira kepentingan pesalah
 - Mengubah sikap pesalah ke arah kebaikan
- 13 Bagaimanakah kaum Bajau/Sama merayakan Pesta Regata Lepa?
- Pemilihan ratu cantik
 - Permainan berayun
 - Perlumbaan perahu
 - Pertandingan tarian
- 14 Apakah sistem timbangan yang digunakan oleh orang Melayu untuk menimbang barangan berikut?

- Emas
- Perak

- Saga
 - Tahil
 - Cupak
 - Mayam
- I dan II
 - I dan IV
 - II dan III
 - III dan IV

- 15 Maklumat berikut berkaitan dengan perjanjian 2 Ogos 1824.

Residen Singapura, John Crawford telah menandatangani perjanjian dengan Sultan Hussein dan Temenggung Abdul Rahman.

Apakah kesan perjanjian tersebut?

- Penyerahan Singapura kepada British
 - Petempatan British di Singapura diiktiraf
 - Pengiktirafan penjajahan British secara mutlak
 - Pelantikan Sultan Hussein sebagai ketua negeri
- 16 Apakah alasan British untuk mendesak Sultan Selangor menerima perlindungan mereka?
- Pembunuhan Residen British
 - Kapal dagang British dirompak
 - Serangan terhadap pegawai British
 - Gangguan lanun di perairan Selangor

17 Siapakah sultan yang mendapat gelaran berikut daripada Raja Siam?

Phya Pipit Pakdi

- A Sultan Perlis
- B Sultan Kedah
- C Sultan Kelantan
- D Sultan Terengganu

18 Jadual berikut berkaitan dengan undang-undang tanah yang diperkenalkan oleh British di Sarawak.

Tahun	Undang-undang
1931	Land Order
1933	Land Settlement Order

Mengapakah British memperkenalkan undang-undang tanah tersebut?

- A Meneroka tanah yang terbiar
- B Memajukan pertanian peribumi
- C Melindungi masyarakat peribumi
- D Menjaga hak milik tanah peribumi

19 Peristiwa berikut berkaitan dengan pembaharuan British di negeri-negeri Melayu.

British memperkenalkan pelbagai jenis cukai terhadap tanah, hasil hutan, dan tumbuh-tumbuhan.

Apakah kesan peristiwa tersebut?

- A Penubuhan jabatan ekonomi
- B Peningkatan pendapatan negara
- C Penentangan masyarakat tempatan
- D Perkembangan pembangunan negeri

20 Kedah dapat mengembangkan sistem politik yang tersusun sebelum campur tangan British. Mengapakah perkembangan tersebut berlaku?

- A Mempunyai pegawai berpengalaman
- B Memperkenalkan peperiksaan awam
- C Menerima idea daripada kuasa Barat
- D Menggubal undang-undang yang tegas